



**PENGARUH KEUSAHAWANAN SOSIAL BERFOKUS ORANG
KELAINAN UPAYA (OKU) TERHADAP ALTRUISME PELAJAR
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

ELYSHA BT MIKAIL



**PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA PENDIDIKAN PENGURUSAN PERNIAGAAN
(DENGAN KEPUJIAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat ilahi, dengan limpahan kurnia-Nya yang dianugerahkan kepada saya untuk menyiapkan projek tahun akhir dengan jayanya walaupun terdapat banyak halangan yang saya hadapi dalam menyiapkan tugas ini. Alhamdulillah syukur kepada Allah S.W.T kerana memberi kesihatan yang baik, kecerdasan akal fikiran serta mengurniakan orang yang baik sepanjang menyiapkan kajian ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung mahupun tidak langsung.

Selain itu, sekalung penghargaan juga buat penyelia saya, Dr. Hariyaty bt Ab Wahid yang telah memberi tunjuk ajar, teguran, galakan serta banyak membantu saya dalam melakukan penambahbaikan dalam kajian saya. Terima kasih juga buat pensyarah-pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) yang turut membantu saya sepanjang kajian ini dilakukan.

Akhir madah, saya juga ingin mengucapkan terima kasih buat ibu bapa saya yang banyak memberikan dorongan, sokongan dan semangat dalam menyiapkan penyelidikan ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sudi menjadi responden saya serta banyak berkongsi ilmu dan saling memberi semangat sewaktu menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, sekalung penghargaan buat semua yang terlibat di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) dan Pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sepanjang pengajian saya di sini.

Sekian, terima kasih

Elysha bt Mikail

Universiti Pendidikan Sultan Idris

2023

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keusahawanan sosial berfokus kepada OKU dan tahap altruisme dalam kalangan pelajar UPSI. Kajian ini juga bertujuan untuk menentukan hubungan di antara keusahawanan sosial dan menentukan pengaruh keusahawanan sosial terhadap altruisme pelajar UPSI. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan deduktif. Sampel kajian terdiri daripada 110 orang mahasiswa yang mengambil kursus Budaya Keusahawanan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Borang soal selidik tadbir sendiri digunakan sebagai instrumen. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk menguji tahap keusahawanan sosial dan tahap altruisme pelajar. Analisis korelasi digunakan untuk mengkaji hubungan dan analisis regresi berganda bagi mengkaji pengaruh keusahawanan sosial terhadap altruisme pelajar. Dapatan kajian diharapkan berupaya untuk menguji tahap keusahawanan sosial dan tahap altruisme pelajar selain dapat menentukan hubungan dan pengaruh keusahawanan sosial terhadap altruisme pelajar. Kajian ini berupaya menjelaskan tahap keusahawanan sosial, tahap altruisme dan menjelaskan sejauh mana pengaruh keusahawanan sosial terhadap altruisme pelajar terutamanya pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian ini berupaya memberikan panduan yang berguna kepada mahasiswa, terutamanya pelajar yang mengambil kursus Budaya Keusahawanan supaya lebih mempunyai niat, minat dan kecenderungan untuk terlibat dalam perniagaan sebaik sahaja mereka selesai pengajian.



PENGARUH KEUSAHAWANAN SOSIAL BERFOKUS ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) TERHADAP ALTRUISME PELAJAR UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

ABSTRACT

This study aims to identify the level of social entrepreneurship focused on the disabled and the level of altruism among UPSI students. This study also aims to determine the relationship between social entrepreneurship and determine the influence of social entrepreneurship on the altruism of UPSI students. This study uses a quantitative and deductive approach. The study sample consisted of 110 students who took the Entrepreneurial Culture course at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) using a simple random sampling technique. A self-administered questionnaire was used as an instrument. Data was analyzed using descriptive analysis to test the level of social entrepreneurship and the level of altruism of students. Correlation analysis was used to study the relationship and multiple regression analysis was used to study the influence of social entrepreneurship on student altruism. The findings of the study are expected to be able to test the level of social entrepreneurship and the level of student altruism in addition to being able to determine the relationship and influence of social entrepreneurship on student altruism. This study attempts to explain the level of social entrepreneurship, the level of altruism and explain the extent of the influence of social entrepreneurship on the altruism of students, especially students at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). This study is able to provide useful guidance to students, especially students who take the Entrepreneurial Culture course so that they have more intention, interest and inclination to be involved in business once they finish their studies.



ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	4
1.3 PERNYATAAN MASALAH	6
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	7
1.5 PERSOALAN KAJIAN	7
1.6 HIPOTESIS KAJIAN	8
1.7 KERANGKA TEORI/KERANGKA KONSEPTUAL	8
1.8 KEPENTINGAN KAJIAN	9
1.9 BATASAN KAJIAN	11
1.10 DEFINISI OPERASIONAL KAJIAN	11
1.11 RINGKASAN BAB	13
BAB 2 ULASAN LITERATUR	14
2.1 PENGENALAN	14
2.2 PENJELASAN KONSTRUK	15
2.3 KERANGKA TEORI	22
2.4 PEMBANGUNAN HIPOTESIS	26
2.5 RINGKASAN BAB	30
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	31
3.1 PENGENALAN	31
3.2 REKA BENTUK KAJIAN	31
3.3 SKOP PENYELIDIKAN	32
3.4 POPULASI DAN SAMPEL	33
3.5 INSTRUMEN KAJIAN	35
3.6 KAJIAN RINTIS	40
3.7 PENGUMPULAN DATA	46

3.8 ANALISIS DATA	47
3.9 RINGKASAN BAB	49
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	50
4.1 PENGENALAN	50
4.2 ANALISIS STATISTIK DESKRIPTIF	
4.2.1 PROFIL RESPONDEN	50
4.3 TAFSIRAN DAPATAN KAJIAN	
4.3.1 TAHAP KEUSAHAWANAN SOSIAL PELAJAR UPSI	54
4.3.2 TAHAP ALTRUISME PELAJAR UPSI	59
4.3.3 HUBUNGAN DI ANTARA KEUSAHAWANAN SOSIAL DAN ALTRUISME PELAJAR UPSI	62
4.3.4 PENGARUH KEUSAHAWANAN SOSIAL TERHADAP ALTRUISME PELAJAR UPSI	64
4.4 RUMUSAN	69
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	70
5.1 PENGENALAN	70
5.2 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN	70
5.3 IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN	74
5.4 CADANGAN KAJIAN	76
5.5 KESIMPULAN	77
RUJUKAN	79
LAMPIRAN	81



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Di Malaysia, kerajaan melalui sistem pendidikan tingginya amat menitikberatkan pendidikan keusahawanan sosial sebagai salah satu platform untuk menggarap dan membentuk personaliti unggul usahawan dalam kalangan pelajar universiti. Hal ini terbukti menerusi Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP Ke-3) yang menzahirkan pendidikan keusahawanan sosial sebagai salah satu strategi ke arah meningkatkan bilangan tenaga mahir, berkebolehan membangunkan inovasi dan teknologi serta sekaligus menggalakkan penglibatan masyarakat dalam menceburi bidang perniagaan. (Hariyaty, 2018). Keusahawanan sosial merupakan cabang bidang keusahawanan yang memberikan tumpuan dalam kebajikan masyarakat dan kelahiran semula kesedaran nilai baik yang menjadi permulaan kepada kelahiran pelbagai program ilmunan dan pengkongsian yang berpotensi dalam mewujudkan masyarakat yang saling membantu dalam membaik pulih taraf hidup masyarakat tersebut (Nurazila Suriadi, 2022).

Keusahawanan sosial merupakan satu fenomena baru yang menjadi perhatian serta menarik minat para penyelidik, penggiat bisnes, penggubal polisi dan institusi yang tidak berasaskan keuntungan. Keusahawanan sosial ini semakin menjadi perhatian bukan sahaja di Malaysia malahan di arena antarabangsa apabila penerima anugerah Nobel Muhammad Yunus





melalui Grameen Bank memperkenalkan keusahawanan sosial menerusi pinjaman mikro untuk golongan miskin bagi mengubah kehidupan mereka (Mohd Ikhmal Fadzil, 2022).

Keusahawanan sosial bertujuan melakukan aktiviti keusahawanan untuk menyelesaikan masalah sosial. Masalah sosial ini, secara tidak langsung banyak melibatkan isu kemiskinan (Thomposon, 2008; Lateh, 2018; Radieah, 2022). Walaupun ia menggunakan konsep keusahawanan, tetapi ia tidak mementingkan keuntungan, sebaliknya untuk memenuhi keperluan asas jangka panjang seperti menyediakan makanan, air, tempat tinggal, pendidikan, dan perkhidmatan perubatan kepada masyarakat yang memerlukan (Mutarubukwa & Mazana, 2017). Di Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengeluarkan definisinya yang tersendiri berkaitan keusahawanan sosial iaitu suatu kaedah penvelesaian isu sosial terhadap kumpulan sasar menerusi elemen ekonomi yang menggabungkan inovasi sosial dan kerja sosial.



Sistem pendidikan sama ada dalam mahupun luar negara sejak tiga abad dahulu kelihatan telah memberikan penekanan serius terhadap pendidikan dan pembudayaan keusahawanan (Nishanti et. al, 2022). Pelaksanaan ini dibuat bagi tujuan menerapkan sikap dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar. Pelajar didedahkan dengan ciri-ciri keusahawanan seperti kreatif dan inovatif, yakin diri, berani mengambil risiko, akauntabiliti, berupaya bekerja secara berpasukan, berkebolehan untuk menyelesaikan masalah dan mengambil keputusan segera (Gelderen, 2008; Nurul, 2019; Nur Azmaliza, 2020). Golongan muda seperti pelajar IPT dibudayakan untuk memiliki minda usahawan ini. Usaha ini bertujuan pelajar tidak lagi terlalu bergantung kepada individu lain. Mereka didorong supaya berani untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Dengan cara in, keinginan keusahawanan dalam kalangan murid sekolah atau pelajar universiti juga akan meningkat (Gabriela, 2020; Nishanti et. al 2022).





Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sendiri membuka kursus keusahawanan yang wajib ke atas semua bagi memupuk minat dan sikap bagi kalangan pelajar. Hal ini untuk melihat kecenderungan mereka untuk mencari keuntungan dan dana bagi seseorang individu untuk mencari pendapatan sendiri menerusi subjek keusahawanan ini. Bukan itu sahaja, pihak UPSI menawarkan pelbagai jenis program berdasarkan perniagaan untuk memberikan pendedahan yang lebih luas terhadap ilmu keusahawanan itu sendiri. Selain itu, UPSI telah menubuhkan kelab EDGE bagi pelajar untuk memulakan perniagaan mereka dengan memberikan bantuan dana buat mereka yang mempunyai minat dan sikap untuk menjadi usahawan. Pihak universiti membantu pelajar dari setiap pelusuk untuk memastikan minat dan kecenderungan mereka disokong oleh pihak universiti sendiri.

Selain itu, di universiti lain seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga menawarkan perkhidmatan yang sama bagi memupuk minat dan sikap keusahawanan pelajar.



Di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sendiri banyak program keusahawanan telah didedahkan kepada para pelajar. Bermula dengan menawarkan kursus jangka pendek oleh beberapa pensyarah pelopor sehingga terbentuknya pusat pembangunan usahawan iaitu Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS (CESMED) pada Oktober 2010. CESMED telah diberikan tanggungjawab khusus dalam program pembangunan keusahawanan di kalangan pelajar UKM di samping usahawan kecil sederhana (EKS) luar (Norain et. al 2019).

Sejak beberapa tahun yang lalu, percubaan telah dibuat untuk memberikan maklumat dan pengalaman kepada pelajar, tetapi sukar untuk mengubah suai sikap pelajar universiti supaya mereka mempunyai niat, kecenderungan, minat dan ciri-ciri lain yang diperlukan untuk terlibat dalam perniagaan sebaik sahaja mereka selesai pengajian mereka. Majoriti graduan terus mengutamakan mencari pekerjaan daripada membayar diri mereka dalam kerjaya masa depan mereka. Mereka berpendapat bahawa bidang keusahawanan mempunyai tahap risiko yang sangat tinggi dan tidak menjamin pendapatan yang konsisten. Bukan itu sahaja, mereka





juga takut untuk memulakan perniagaan dek kerana bantuan pinjaman sara diri tidak mampu untuk menampung perbelanjaan perniagaan. Maka dengan itu, kecenderungan mereka terpaksa dikuburkan begitu sahaja tanpa bantuan daripada pihak luar. Oleh kerana keusahawanan sosial ini masih baru sama ada di dalam mahupun di luar negara, maka wujud beberapa isu dalam mendidik, menerap dan membudayakan keusahawanan sosial. Antara isu yang sering dibincangkan adalah berkaitan kurangnya kesedaran dalam kalangan ahli akademik mengenai kepentingan pembudayaan keusahawanan sosial.

Dalam kalangan pelajar diharapkan mampu lebih aktif dalam kegiatan kesukarelawan serta mampu menyediakan wadah bagi masyarakat agar mampu turut adil dalam melakukan tindakan tolong-menolong. Di universiti, pelajar dapat melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan sosial dengan menjadi pengarah dalam acara kesukarelawanan dan membentuk organisasi. Salah satu contoh aktiviti yang biasa dijalankan oleh Badan Pelajar ialah Bantuan Kemanusiaan seperti bantuan kepada mangsa banjir, Orang Kelainan Upaya (OKU). Bantuan boleh berupa sumbangan kewangan yang dikutip dalam kalangan pelajar sendiri dan dihantar terus ke lokasi bencana alam ataupun kepada orang-orang yang memerlukan.

Maka dengan itu, tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap keusahawanan sosial berfokus dan tahap altruisme dalam kalangan pelajar UPSI memandangkan semakin kurang kesedaran dalam kalangan ahli akademik mengenai kepentingan pembudayaan keusahawanan sosial dan perilaku seseorang untuk peduli pada masyarakat sekitar semakin pudar dan menghilang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Keusahawanan sosial adalah sebuah model keusahawanan yang menghasilkan impak sosial atau alam sekitar yang positif secara proaktif dan pada masa yang sama mempunyai





kemampuan kewangan yang mapan. Usaha untuk memantapkan pelaksanaan keusahawanan sosial telah diperluaskan lagi melalui pengenalan Akreditasi Perusanaan Sosial (SE.A) oleh kementerian untuk mengesahkan status sesuatu perusahaan sosial bagi membantu mereka mendapatkan akses kepada pelbagai sokongan dan peluang yang lebih besar untuk mengembangkan perniagaan. Secara umumnya, melalui proses akreditasi ini sesebuah organisasi yang berstatus Perusahaan Sosial yang Diiktiraf (Accredited Social Enterprise) akan disenaraikan dalam direktori atas talian (online platform) SE.A MED bagi memberi akses kepada pelanggan dan orang awam untuk mendapatkan maklumat mengenai sesebuah perusahaan sosial dengan lebih efisien.

Altruisme dapat didefinisikan sebagai hasrat untuk menolong orang lain tanpa memikirkan kepentingan sendiri. Perilaku altruistik merupakan perilaku yang dimotivasi untuk meningkatkan kesejahteraan orang lain yang tidak mementingkan diri sendiri. (Binti Wahyuni, 2018). Pada era globalisasi ini, nilai altruisme semakin merosot dalam kalangan mahasiswa. Salah satu penyebabnya adalah disebabkan luntarnya sikap empati dalam kalangan mahasiswa. Kecenderungan terhadap teknologi canggih, pekerjaan, dan fokusnya perkuliahan membuatkan mahasiswa lebih cenderung terhadap kepentingannya sendiri dan kurang mempraktikkan nilai altruisme dalam diri mereka (Ugung Dwi Ario Wibowo, 2021). Altruisme memiliki beberapa aspek, iaitu: (1) empati sebagai kemampuan merasakan, memahami dan peduli terhadap perasaan yang dialami orang lain; (2) sukarela sebagai suatu perbuatan positif tanpa ada keinginan untuk mendapatkan imbalan; dan (3) keinginan memberikan bantuan kepada orang lain (Permatahati, 2016; Ugung Dwi Ario Wibowo, 2021). Altruisme dapat terealisasikan dalam pelbagai cara seperti memberikan pertolongan kepada yang sedang memerlukan, memberikan derma kepada acara-acara amal atau program kebajikan, meminjamkan wang kepada rakan dan terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan/keusahawanan sosial. Dalam



kalangan pelajar, altruisme dapat dilihat dari bentuk keaktifan pelajar aktiviti kesukarelawanan/keusahawanan sosial. (Rismayanto, 2019; Putri et.al 2021).

1.3 Pernyataan Masalah

Nur Amidiyana Zaher & Enda Khursyiah Basir (2013) juga menyatakan bahawa budaya keusahawanan sosial di Malaysia masih berada pada peringkat yang sederhana kerana lebih banyak daripada kalangan remaja atau belia yang berstatus pengikut berbanding menjadi pemimpin dan penggerak kepada aktiviti kesukarelawanan. Kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (PPBM) (2013) yang menggunakan Indeks Belia Malaysia (IBM) mendapati satu daripada sembilan domain kesejahteraan belia iaitu domain identiti yang mengandungi indikator sukarelawan telah menunjukkan penurunan skor pada tahun 2011 iaitu sebanyak 65.4 peratus berbanding dengan skor 2008 iaitu 67.4 peratus.

Sementara itu, kebanyakan remaja dan belia kini mempunyai komitmen lain, mereka enggan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan. Bagi sesetengah mahasiswa, mereka berpendapat bahawa masa yang digunakan untuk kerja-kerja kesukarelawanan dianggap mencuri masa yang sepatutnya digunakan untuk belajar atau mengulang kaji demi meraih keputusan peperiksaan yang paling cemerlang. Manakala bagi sesetengah pekerja muda, dan mereka yang berpendapatan rendah, setiap masa yang terluang digunakan pula untuk melakukan kerja lebih masa untuk menambah pendapatan (Alif Zulfikar, 2021).

Peristiwa di atas menunjukkan perilaku seseorang untuk peduli pada masyarakat sekitar semakin pudar dan menghilang. Sehingga mengakibatkan munculnya perilaku yang tidak peduli dengan lingkungan di sekitar yang akan berdampak buruk pada mahasiswa dan akan menimbulkan perbuatan yang tidak baik. Hilangnya rasa empati, ketidakpedulian, dan sikap

egoisme antara masing-masing individu merupakan ciri-ciri rendahnya perilaku altruisme (Dayakisni & Hudaniah, 2003 ; Alif Zulfikar, 2021).

Selain itu, terdapat juga sebilangan pelajar universiti yang dilaporkan bersikap mementingkan diri sendiri dan tidak gemar membantu rakan sekuliah, apatah lagi untuk terlibat dengan aktiviti berunsur khidmat komuniti di luar kampus. Maka, keusahawanan sosial merupakan satu platform pendidikan yang dijangka berupaya membuka peluang kepada pelajar universiti untuk mengasah kemahiran sosial, membina jati diri, berdaya keusahawanan dan bersikap lebih altruistik (Hariyaty et al. 2018).

Oleh kerana keusahawanan sosial ini masih baru sama ada di dalam mahupun di luar negara, maka wujud beberapa isu dalam mendidik, menerap dan membudayakan keusahawanan sosial. Antara isu yang sering dibincangkan adalah berkaitan kurangnya kesedaran dalam kalangan ahli akademik mengenai kepentingan pembudayaan keusahawanan sosial (Hariyaty et al. 2018).

1.4 Objektif Kajian

1. Menenal pasti tahap keusahawanan sosial berfokus kepada OKU dalam kalangan pelajar UPSI.
2. Menenal pasti tahap altruisme dalam kalangan pelajar UPSI.
3. Menentukan hubungan di antara keusahawanan sosial dan altruisme dalam kalangan pelajar UPSI.
4. Menentukan pengaruh keusahawanan sosial terhadap altruisme pelajar UPSI.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah dengan tujuan untuk menjawab beberapa persoalan seperti berikut:

1. Apakah tahap keusahawanan sosial berfokus kepada OKU dalam kalangan pelajar UPSI?
2. Apakah tahap altruisme dalam kalangan pelajar UPSI?
3. Adakah terdapat hubungan di antara keusahawanan sosial dan altruisme dalam kalangan pelajar UPSI?
4. Adakah keusahawanan sosial mempengaruhi/ menyumbang terhadap altruisme pelajar UPSI?

1.6 Hipotesis Kajian


H1 Terdapat hubungan yang signifikan bagi tahap keusahawanan sosial berfokus dalam kalangan pelajar.

H2 Terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap altruisme dalam kalangan pelajar.

H3 Terdapat hubungan yang signifikan antara keusahawanan sosial dan altruisme dalam kalangan pelajar.

H4 Keusahawanan sosial mempengaruhi altruisme pelajar secara signifikan.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian





Kerangka kajian ini adalah berdasarkan tajuk kajian iaitu pengaruh keusahawanan sosial berfokuskan oku terhadap altruisme pelajar UPSI. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana keusahawanan sosial yang berfokuskan OKU memberi pengaruh terhadap altruisme pelajar. Kajian memfokuskan pelajar yang mengambil kursus budaya keusahawanan. Pelajar-pelajar tersebut akan mengaplikasikan konsep perniagaan untuk membangunkan projek yang mampu meningkatkan kualiti serta taraf kehidupan insan yang memerlukan seperti golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Berdasarkan kerangka konseptual di atas, antara elemen yang terdapat dalam keusahawanan sosial seperti pengetahuan, perancangan dan pelaksanaan keusahawanan sosial. Manakala, altruisme pula terdiri daripada kesukarelaan, menjaga kebajikan dan suka menolong. Altruisme dalam keusahawanan sosial perlu ditinjau dalam kalangan pelajar yang menyertai secara aktif program bercorak keusahawanan sosial seperti pada kerangka konseptual kajian di atas. Keusahawanan sosial dengan altruisme amat penting dibudayakan dalam diri semua pelajar universiti awam (IPTA).



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengukur tahap keusahawanan sosial berfokus kepada OKU dan tahap altruisme dalam kalangan pelajar UPSI. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menentukan hubungan di antara keusahawanan sosial dan altruisme dalam kalangan pelajar UPSI serta menentukan sumbangan keusahawanan sosial terhadap altruisme pelajar UPSI. Bahagian ini memperincikan secara jelas impak kajian dan menjelaskan apakah faedah- faedah daripada hasil kajian kepada organisasi, masyarakat, negara, agensi berkaitan dan perkembangan ilmu dalam bidang yang dikaji.

Kajian ini memberi kepentingan terhadap organisasi yang terlibat di UPSI dalam mengendalikan aktiviti dan program yang berkaitan pengurusan khususnya program seperti





keusahawanan sosial untuk membantu memberi kefahaman kepada pelajar UPSI. Berdasarkan kajian ini, pihak yang terlibat dapat melakukan penambahbaikan untuk merancang aktiviti yang berkesan pada masa akan datang. Elemen dan ciri keusahawanan bukan sahaja perlu diamalkan dalam kalangan pelajar yang mengikuti kursus keusahawanan atau perniagaan, malah pelajar yang mengikuti kursus lain juga penting untuk didedahkan berkenaan keusahawanan sosial ini. Seperti contoh, pelajar seni dapat menggunakan kemahiran dalam seni lukis dalam aktiviti keusahawanan sosial dengan melakukan inovasi produk dan sebagainya.

Kepentingan daripada penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan satu gambaran dan kesedaran bahawa pentingnya budaya keusahawanan sosial kerana boleh memberikan kebaikan kepada para pelajar. Selain itu, ini juga dapat dijadikan panduan kepada pihak Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan agensi luar yang berkaitan supaya dapat merancang program keusahawanan sosial dengan lebih baik dan berkesan untuk membentuk pelajar-pelajar yang mempunyai budaya keusahawanan yang tinggi dalam diri. Bukan itu sahaja, diharapkan impak daripada kajian ini juga dapat menambahkan lagi sokongan daripada kajian-kajian lepas berkaitan dengan isu keusahawanan yang melibatkan pelajar-pelajar IPTA.

Selain itu, pentingnya kajian ini ialah dapat mengetahui mengenai penerapan tingkah laku dan sikap yang positif supaya pelajar yang mempunyai minda serta budaya keusahawanan sosial dapat diperkasakan di peringkat IPTA. Hal ini kerana, walaupun pelajar tidak bergelar usahawan, mereka mungkin dapat mengaplikasikan apa yang telah dipelajari apabila sudah tamat belajar nanti. Jadi, bilangan graduan yang berjaya dalam keusahawanan dapat dipertingkatkan impak daripada tingginya budaya keusahawanan sosial dalam diri. Oleh itu, pihak yang berkenaan boleh menjalinkan hubungan kerjasama untuk menjadikan keusahawanan ini sebagai satu kerjaya untuk meningkatkan pendapatan graduan selepas melihat hasil daripada kajian ini. Akhir sekali, diharapkan kajian yang dilakukan ini memberi faedah kepada negara melalui pembangunan, peningkatan ekonomi. Dari segi masyarakat pula,





dengan adanya golongan pelajar yang membuka perniagaan maka mereka akan mempunyai peluang pekerjaan. Faedah kepada organisasi pula mereka dapat menggunakan kemahiran-kemahiran keusahawanan yang dimiliki oleh pelajar-pelajar IPTA ini.

1.9 Batasan Kajian

Pada bahagian ini, akan menerangkan skop dan had kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Terdapat beberapa batasan dalam kajian ini. Batasan kajian yang pertama ialah responden kajian ini hanya memfokuskan kepada pelajar sem A221 yang mengambil kursus Budaya Keusahawanan di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dapatan kajian ini tidak mewakili semua pelajar universiti di Malaysia kerana responden yang dikaji hanyalah sebuah universiti di Malaysia sahaja.

Selain itu, kaedah pengumpulan data bagi kajian ini hanyalah menerusi pengedaran soal selidik. Dapatan kajian yang diperolehi hanya melalui satu kaedah sahaja dan dipengaruhi oleh kejujuran responden semasa menjawab soal selidik. Hal ini kerana pengkaji hanya boleh bergantung kepada soal selidik yang diisi oleh para responden sahaja.

1.10 Definisi Operasional Kajian

1.10.1 Keusahawanan Sosial

Keusahawanan sosial merupakan aktiviti keusahawanan yang memusatkan fokusnya untuk memberi faedah kepada masyarakat berbanding memaksimakan keuntungan (Tan et al. 2005; Rohaida, 2019). Keusahawanan sosial adalah satu bidang di mana usahawan menyesuaikan aktiviti mereka untuk mencapai matlamat unggul iaitu mencipta nilai sosial. Dalam melaksanakannya, mereka selalunya bertindak dengan hanya sedikit atau tiada langsung





keinginan untuk mencapai keuntungan peribadi. Dalam kajian ini, keusahawanan sosial merujuk kepada sebarang aktiviti keusahawanan yang berfokuskan memberi manfaat kepada masyarakat yang merangkumi tiga elemen utama iaitu kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran (Abu-Saifan, 2012; Nur et al 2019).

1.10.2 Orang Kelainan Upaya (OKU)

Menurut Azman Ab Rahman (2018), Golongan OKU di Malaysia secara amnya dirujuk sebagai anak istimewa, anak syurga, orang cacat, kurang upaya, kelainan upaya, dan keperluan khas. Adapun penggunaan istilah orang cacat dan singkatan OKU yang merujuk kepada “Orang Kurang Upaya” mengundang ketidakselesaan golongan ini kerana istilah tersebut menggambarkan sesuatu yang negatif sedangkan terdapat golongan OKU yang memiliki keupayaan yang istimewa berbanding golongan tipikal. Zinaida Ariffin, 2006; Khairulnazzrin et al. 2019) menjelaskan, OKU diertikan sebagai individu yang tidak berupaya menentukan sendiri sebahagian keperluan dirinya atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada dari segi fizikal ataupun mental dan memerlukan bantuan daripada orang lain untuk meneruskan kehidupan mereka. Oleh itu, dalam kajian ini Orang Kelainan Upaya (OKU) merujuk kepada mereka yang mengalami ketidakupayaan jangka panjang dari segi mental, fizikal, intelektual atau deria yang menghalang mereka berinteraksi melalui penyertaan penuh dan efektif dalam masyarakat sama seperti orang lain (Ikmal & Khairil, 2018)





1.10.3 Altruisme

Tindakan berkorban atau altruisme dikaitkan dengan tingkah laku yang memberi kebaikan kepada pihak lain. Dalam tingkah laku ini, pemberi bantuan atau individu yang memberikan pertolongan tidak menerima sebarang bentuk ganjaran, imbuhan atau manfaat (Pfattheicher, Nielsen & Thielmann, 2022; Juliana et al. 2022). Menurut Song Kim (2019), menyatakan altruisme sebagai tindakan yang tidak sepenuhnya menunjukkan pengorbanan kepada pihak lain, memandangkan wujud unsur warm glow dalam perlakuan membantu. Dalam warm glow, individu yang membantu individu lain akan turut merasai ganjaran dalam bentuk emosi positif seperti bangga, lega malahan seronok dengan tindakan yang dilakukan. Oleh itu, dalam kajian ini tingkah laku yang mementingkan kebajikan individu lain atau dikenali sebagai altruisme menggambarkan nilai pengorbanan kepada pihak lain. Dalam altruisme, bantuan diberikan tanpa mengambil kira sama ada individu yang memerlukan bantuan ahli keluarga, rakan, jiran mahupun orang asing (Juliana et.al, 2022).



1.11 Rumusan

Bab ini memperkenalkan isu yang berkaitan dengan topik yang sedang dikaji dan menjelaskan idea asas penyelidikan. Secara spesifiknya, bab ini menerangkan secara ringkas situasi atau keadaan yang menggesa satu kajian dijalankan berhubung dengan faktor yang mempengaruhi minat dan sikap pelajar IPTA di Malaysia dalam budaya keusahawanan. Seterusnya, bab ini mengutarakan objektif kajian untuk dicapai, soalan- soalan yang perlu ditangani dalam kajian ini, hipotesis- hipotesis untuk diuji, definisi konstruk-onstruk dan struktur keseluruhan laporan kajian ini. Pada bab yang berikutnya, perbincangan tentang kajian-kajian yang sedia ada dan penjelasan terperinci mengenai teori-teori menjadi asas pembentukan rangka kerja penyelidikan dan hipotesis penyelidikan akan dilakukan.

